

UMS komited laksana konservasi alam marin

UB 23-02-20 3

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Penubuhan Unit Kajian Spesies Marin Terancam (UEMS) di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menunjukkan komitmen tinggi dalam menjalankan konservasi khususnya ke atas spesies-spesies terancam seperti penyu laut, ikan yu, mamalia marin seperti dugong, ikan lumba-lumba, ikan maming dan sebagainya.

'World Oceans Day' yang disambut setiap tahun dirancang khusus untuk menyampaikan ilmu tentang fungsi alam marin kepada kehidupan dan kepentingan memeliharanya.

Selain daripada pelajar dan kakitangan UMS, para pengunjung akuarium dan komuniti pesisir pantai sekitar UMS turut menjayakan sambutan itu melalui penglibatan dalam aktiviti seperti larian amal, ceramah kesedaran, pameran penyelidikan dan pertandingan mewarna di kalangan pelajar sekolah dan tadika.

Aktiviti konservasi yang dijalankan ke atas spesies-spesies berkenaan adalah secara kerjasama dengan kerajaan negeri seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Taman-taman Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan Pusat Biodiversiti Sabah dan juga kerajaan Persekutuan, terutamanya Jabatan Perikanan Malaysia dan MESTECC.

Badan-badan bukan kerajaan seperti WWF-Malaysia, WCS dan LEAP dan industri seperti Scuba Junkie, Scuba-zoo turut bekerjasama dengan pakar-pakar di UMS.

Selain itu, pihak industri seperti Sabah Ports Sdn Bhd, Borneo Divers and Sea Sports (Sabah) Sdn Bhd dan Sutera Harbour Resort, turut menyokong dengan memperuntukkan dana untuk penyelidikan dan program



SELAMATKAN: Kerjasama UMS dan Jabatan Hidupan Liar Sabah menyelamatkan ikan lumba-lumba yang terdampar di perairan Kota Kinabalu.

konservasi marin.

Program 'Mengekalkan Warisan Marin Kota Kinabalu' yang dijalankan bersama Sutera Harbour Resort semenjak tahun 2015 adalah bertujuan meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya mengekalkan dan memelihara ekosistem marin untuk generasi akan datang.

Manakala, kerjasama dengan Jabatan Perhutanan dan The International Society for Mangrove Ecosystems baru-baru ini dalam program konservasi ekosistem paya bakau telah melangkah setapak lagi apabila 500 anak-anak ketam bakau yang ditetaskan di hatceri UMS turut dilepaskan untuk penambahbaikan stok semula jadi ketam di Sulaman Wetland Sanctuary.

Beberapa tahun sebelumnya, UMS juga telah melepaskan hampir 50,000 benih udang galah ke dalam Sungai Petagas dalam rangka pemulihan stok semula jadi dan program 'Cintai Sungai Kita'.

Terkini juga dilaporkan bahawa hasil daripada kerjasama yang berterusan dengan Borneo Divers and Sea Sports (Sabah) Sdn Bhd, pakar penyuluhan laut UMS telah menemukan spesies ketiga penyu di perairan Semporna.

Penemuan ini sangat signifikan dan merupakan kejayaan membanggakan dari program konservasi penyu laut yang telah lama dijalankan bersama.

Di arena antarabangsa,

UMS juga dikenali aktif dalam konservasi marin. IPMB telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman dengan universiti dan institusi antarabangsa seperti LAMAVE (Large Marine Vertebrates Research Institute) Filipina, Kagoshima University (Jepun) dan MABIK (Marine Biodiversity Institute) Korea.

Sejak tahun 2011, UMS melalui IPMB secara rasminya dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah sebagai pejabat Inisiatif Segitiga Terumbu Karang Cawangan Sabah (Coral Triangle Initiative (CTI) - Sabah).

Program Inisiatif Segitiga Terumbu Karang, Perikanan dan Jaminan Makanan (CTI-CFF) merupakan satu program kerjasama serantau yang diterajui enam negara iaitu Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Filipina, Kepulauan Solomon dan Timor-Leste.

Di bawah platform CTI, banyak aktiviti yang konservasi marin dijalankan.

Sungguhpun akuakultur merupakan bidang keutamaan UMS, bidang sains marin telah menyumbang dalam meletakkan nama UMS di persada dunia akademik kebangsaan dan antarabangsa.

Kejayaan demi kejayaan yang tampak (visible) adalah bukti komitmen UMS yang tinggi dalam konservasi alam marin serta serius dalam menjayakan Agenda 2030 : UN Sustainable Development Goals.